

ELMALILI M. HAMDI YAZIR DAN SUMBANGANNYA DALAM BIDANG TAFSIR: ANALISIS TERHADAP KITAB *MUKADDİME* TAFSİR *HAK DINI KUR'AN DILI*

Sedek Ariffin, Norain Azlan* & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

*ainazlan78@gmail.com**

ABSTRACT

*Elmalılı M. Hamdi Yazır (also known as Elmalılı) [1878-1942 CE] was a prominent Turkish exegete renowned for his commentary, 'Hak Dini Kur'an Dili.' His commentary is recognized for its 'diversity' and 'richness' as it serves as a reference in various religious fields, including Qur'anic exegesis, Islamic law, religious history, sociology of religion, sufism, philosophy, science, psychology, and more. Consequently, this commentary has attracted the interest of many scholars, especially in Turkey, to conduct studies on the intellectual content it contains. However, it is difficult for those outside Turkey to understand the principles contained within it, particularly those who are not proficient in Turkish language. Therefore, this study provides an initial overview of Elmalılı's contributions and prominence in the field of Qur'anic exegesis through content analysis and library research on his commentary's introductory book, known as *Mukaddime* (Introduction). In this book, he explains the methodology, approach, and patterns he used in interpreting the Qur'an in his commentary. The findings of the study reveal that this commentary played a crucial role in popularizing the term 'Meâl', referring to the translation of the Qur'an in Turkey, introducing a method of translation that goes beyond literal translation (tanzir), and employing a classical-contemporary approach to interpreting the Qur'an. Hence, it is evident that Elmalılı was a modern exegete with a traditional approach, presenting his fundamental concepts and disciplines in Qur'anic interpretation. This study serves as an initial step in understanding one of the most important Qur'anic exegesis in Turkey and its influence on the development of the science of exegesis in the country.*

Keywords: *Elmalılı M. Hamdi Yazır, Hak Dini Kur'an Dili, Mukaddime, Meâl, Qur'an Exegesis, Turkiye.*

ABSTRAK

*Elmalılı M. Hamdi Yazır (juga dikenali sebagai Elmalılı) [1878-1942 M] merupakan seorang mufassir terkemuka di Turki yang terkenal dengan tafsirnya, *Hak Dini Kur'an Dili*. Tafsir ini diiktiraf kerana kepelbagaian dan kekayaannya, serta menjadi rujukan dalam pelbagai bidang keagamaan, termasuk tafsir al-Qur'an, undang-undang Islam, sejarah agama, sosiologi agama, tasawuf, falsafah, sains, psikologi, dan lain-lain. Oleh itu, tafsir ini telah menarik minat ramai sarjana, khususnya di Turki, untuk menjalankan kajian terhadap kandungan intelektual yang terdapat di dalamnya. Namun, bagi mereka di luar Turki, memahami prinsip yang terkandung dalam tafsir ini adalah suatu cabaran, terutamanya bagi yang tidak menguasai bahasa Turki. Oleh yang demikian, kajian ini menyediakan gambaran awal mengenai sumbangan dan keunggulan *Elmalılı* dalam bidang tafsir al-Qur'an melalui analisis kandungan dan kajian perpustakaan terhadap kitab pengenalan tafsirnya yang dikenali sebagai *Mukaddime* (*Mukaddimah*). Dalam kitab ini, beliau menjelaskan metodologi, pendekatan, dan corak yang digunakan beliau dalam menterjemahkan dan mentafsirkan al-Qur'an. Hasil kajian mendapati bahawa tafsir ini memainkan peranan penting dalam mempopularkan istilah *Meâl*, yang merujuk kepada konsep penterjemahan*

al-Qur'an di Turki, memperkenalkan kaedah penterjemahan yang melangkaui terjemahan literal (*tanzir*), serta mengaplikasikan pendekatan klasik-kontemporari dalam pentafsiran al-Qur'an. Oleh itu, jelas bahawa *Elmalili* adalah seorang *mufasssir* moden dengan pendekatan tradisional, yang mengemukakan konsep dan disiplin asas dalam pentafsiran al-Qur'an. Kajian ini menjadi salah satu langkah awal dalam memahami salah satu tafsir al-Qur'an yang paling penting di Turki serta pengaruhnya terhadap perkembangan ilmu tafsir di negara tersebut.

Kata Kunci: *Elmalili M. Hamdi Yazir, Hak Dini Kur'an Dili, Mukaddime, Meâl, Tafsir al-Qur'an, Turki.*

PENDAHULUAN

Menjelang akhir abad ke-19 para ulama berusaha untuk mentafsirkan al-Qur'an dan membangunkan 'madrasah moden' tafsir al-Qur'an, kerana ketika itu pelbagai cabaran datang menggugat kefahaman dan kepercayaan akidah umat Islam melalui penyebaran pelbagai pemikiran barat yang menjauhkan masyarakat daripada elemen ketuhanan (Selamat Amir et al., 2023). Namun begitu, di Turki suasananya sedikit berbeza apabila ada sebahagian ulama yang benar-benar menginginkan al-Qur'an lebih mudah difahami apabila ditafsirkan, manakala sebahagian yang lain berpandangan solat dan zikir harus dijalankan dalam bahasa Turki berbanding bahasa asalnya iaitu Bahasa Arab. Situasi ini dijelaskan oleh Yahya Afif, seorang penulis majalah Islamik-Moden di Turki di dalam majalahnya *Sebilürreşad* (Tolga Teker, 2014). Namun begitu, projek ini telah mendapat reaksi positif dan negatif dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia. Antaranya, Muhammad Rashid Rida, yang sangat berpengaruh dalam dunia Islam ketika itu, menggambarkan bahawa projek yang ditaja oleh kerajaan Turki ini adalah sebagai rancangan jangka panjang untuk menggantikan al-Qur'an yang asalnya di dalam Bahasa Arab kepada bahasa selain daripadanya (Wilson, 2009). Manakala sebahagian yang lain memandang perkara ini sebagai usaha yang positif dan harus dicontohi sekiranya ingin maju ke hadapan. Selari dengan perkara ini, kumpulan *al-Ikhwan* dilihat jelas menyokong usaha ini dengan menyatakan bahawa: *Demikianlah usaha dan bersungguh-sungguh kerajaan Turki kepada Qur'an dan tafsirnya kerana hendak menyampaikan pelajaran dan pengajarannya ke dalam kaumnya yang tiada mengetahui melainkan bahasa Turki sahaja.*" (Abu Hanifah, 2020).

Kebanyakan masyarakat di Turki menganggap ini adalah cara terbaik untuk menyelamatkan agama Islam daripada elemen-elemen *tahyul*, manakala sebahagian yang lain pula berpendapat perubahan terhadap prinsip-prinsip Islam adalah lebih berkesan, golongan kedua ini adalah mereka yang mencadangkan bahawa bacaan al-Qur'an dan sebagainya seharusnya diubah ke dalam bahasa Turki bukan bahasa Arab, dan mereka ini hakikatnya terdiri daripada kalangan golongan saintis, penyair, ahli politik dan sebagainya, malahan sebahagian daripada mereka yang mencadangkan perkara ini adalah terdiri daripada golongan agnostik dan ateis (Ahmet Bedir, 2002). Walaupun projek ini mendapat respon pelbagai pihak, tetapi tafsir yang ditulis pada zaman krisis ketika negara Turki mengalami perubahan daripada kerajaan Uthmaniyyah kepada kerajaan Republik Turki di bawah pimpinan Atatürk menjadikan ianya satu tafsir yang menarik untuk dikaji (Albayrak, 2004). Ini kerana perubahan kepimpinan ini mendedahkan penulisan tafsir ini kepada politik Turki yang ketika itu bersifat sekular, tetapi hasil kajian lepas mendapati, penulisan kitab ini didapati tidak mempunyai pengaruh terhadap politik pemerintahan tersebut. Malahan penulisan tafsir ini telah memberikan justifikasi-justifikasi yang kuat terhadap membela kefahaman Islam daripada unsur-unsur sekular dan menjelaskan kebenaran agama kepada masyarakat Turki (Wilson, 2009). Bahkan, tafsir yang dihasilkan oleh *Elmalili* ini adalah penting untuk dikaji, kerana ianya telah menjadi rujukan utama kepada karya-karya penulisan yang dihasilkan dalam pelbagai

bidang di Turki, sama ada dalam bidang keagamaan seperti tafsir, hadith, fiqh dan lain-lain atau pun bidang-bidang seperti psikologi, sosiologi dan sebagainya (Gülşen & Çelebi, 2019).

Kajian yang dihasilkan oleh Sait dan Bilgin (2019) juga menjelaskan bahawa *Elmahî* adalah tokoh era republik yang paling banyak dikaji, sama ada ketokohan beliau dalam pelbagai bidang atau berkaitan karya-karya yang beliau hasilkan. Namun begitu, kajian yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji Turki dikatakan tidak kritis, bukan bersifat analitikal, dan kebanyakannya bersifat deskriptif yang mana ianya memberi cabaran kepada usaha untuk memahami ciri-ciri pentafsiran yang dihasilkan oleh mufassir Turki (Simsek, 2018). Oleh itu, negara Turki sebagai sebuah negara yang penting dalam memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu Islam, sering diabaikan dalam bidang tafsir khususnya (Gunasti, 2019). Di mana, sukar untuk menemukan kajian berkaitan para mufassir Turki dan karya-karya mereka sama ada dalam kajian di peringkat barat atau timur. Perkara ini adalah seperti mana yang dijelaskan oleh *John M.S. Baljon* yang mengakui penyesalannya kerana tidak memasukkan nama para intelektual Muslim Turki di dalam bukunya *Modern Muslim Kor'an Interpretation 1880-1960*. Walaupun kebelakangan ini, beberapa pengkaji di barat dan timur mula menunjukkan minat terhadap kajian tafsir *Elmahî* dan telah mula mengkaji berkaitan beliau (Baljon, 1968; Pink, 2010; Wilson, 2009), bagi memperkenalkan tokoh penting Turki ini kepada masyarakat luar, namun kajian yang dilakukan masih di peringkat awal dan memerlukan kajian lanjutan.

Lebih menarik lagi, kajian Wilson (2009), yang bertajuk *The Qur'an After Babel: Translating and Printing the Qur'an in Late Ottoman and Modern Turkey*, berkaitan penterjemahan dan percetakan al-Qur'an pada era akhir empayar Turki Uthmaniyyah dan pada awal era penubuhan Republik Turki (1820-1933M), menemukan bahawa hasil kajian analisis sejarah ke atas sejarah Turki Uthmaniyyah dan juga perkembangan penterjemahan bahasa Turki mendapati bahawa faktor penterjemahan dan percetakan al-Qur'an ke dalam bahasa Turki moden berlaku adalah kerana faktor perkembangan percetakan buku-buku, pembukaan sekolah-sekolah kebangsaan, peningkatan pengetahuan terhadap sejarah eropah, serta perkembangan arus intelektual. Setelah itu, kaum nasionalis Turki mula mendukung isu-isu ini, dan membangunkan "al-Qur'an Turki" sebagai simbol nasionalisme. Bahkan tidak dinafikan usaha menterjemahkan al-Qur'an ini telah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat Islam Turki dalam mengimbangi kefahaman mereka terhadap teks al-Qur'an. Ini menunjukkan bahawa tafsir yang dihasilkan oleh *Elmahî* terutamanya di awal era republik itu memainkan peranan yang penting kepada sejarah perkembangan penterjemahan dan pentafsiran al-Qur'an di Turki. Oleh itu, kajian ini akan memberikan gambaran awal terhadap sumbangan dan ketokohan *Elmahî* dalam bidang tafsir melalui kajian analisis kandungan teks dan kajian perpustakaan terhadap kitab *Mukaddime* (Mukadimmah) tafsir beliau sebagai metod pengumpulan data. Ini kerana di dalam kitab tersebut beliau menjelaskan, metodologi, pendekatan dan corak yang beliau gunakan dalam penterjemahan dan pentafsiran al-Qur'an di dalam karya tafsirnya, serta perbincangan isu penterjemahan yang sangat menarik untuk dianalisis dan diperhatikan.

BIOGRAFI RINGKAS *ELMALILI MUHAMMED HAMDI YAZIR*

Elmahî Muhammed Hamdi Yazır (1878-1942 M), atau lebih dikenali sebagai *Elmahî Hamdi Efendi*, *Elmahî* adalah merujuk kepada *laqab* atau gelaran yang diberikan kepada beliau kerana beliau dilahirkan di *Elmalı*, iaitu sebuah daerah di Antalya, Turkiye. *Muhammed Hamdi* adalah nama beliau, dan *Efendi* adalah merujuk kepada 'Tuan' yang digunakan sebagai tanda hormat kepada seseorang. Beliau dilahirkan di Elmalı, Antalya, Turki, dan keluarganya berasal daripada

Burdur (Yavuz, 1995). Beliau merupakan antara generasi terakhir ulama Uthmaniyyah yang menerima pendidikan di madrasah sebelum institusi tersebut ditutup oleh kerajaan Republik Turki (Gülşen & Çelebi, 2019). Pendidikan awalnya bermula di kampung halamannya, di mana beliau menghafaz al-Qur'an sebelum berpindah ke Istanbul pada tahun 1895 untuk melanjutkan pelajaran di Madrasah Küçük Ayasofya. Beliau memperoleh ijazah daripada *Kayserili Mahmud Hamdi Efendi* dan diberikan gelaran *Küçük* (Junior) *Hamdi Efendi* bagi membezakannya dengan gurunya (Güllüce, 2010; Ismail Albayrak, 2004; Yavuz, 1995). *Elmahli* mendalami pelbagai disiplin ilmu termasuk sastera, falsafah, sains, dan muzik, serta menjadi pensyarah di *Madrasah Beyazıt* pada tahun 1906. Beliau turut berkhidmat sebagai tenaga pengajar di beberapa institusi akademik utama di Istanbul, seperti Madrasah Süleymaniye dan Fakulti Sains Politik. Pada tahun 1908, beliau terlibat dalam politik sebagai ahli parlimen Antalya, namun tetap meneruskan kegiatan akademiknya. Beliau juga dilantik sebagai Presiden *Dar al-Hikmah al-Islamiyyah* pada tahun 1919 dan seterusnya sebagai *Menteri Wakaf Amal* semasa pemerintahan Damat Ferit Pasha (Albayrak, 2004; Atik, 2022; Ardiç, 2012).

Selepas perubahan politik di Turki, beliau ditangkap dan dibicarakan di Ankara tetapi dibebaskan selepas 40 hari. Beliau kemudian kembali ke Istanbul dan menumpukan fokus beliau kepada penulisan serta terjemahan sehingga dilantik untuk mentafsir dan menterjemahkan al-Qur'an pada tahun 1926, yang menjadi sumbangan terakhirnya sebelum meninggal dunia pada 27 Mei 1942 akibat penyakit jantung (Bilgin, 2015; Albayrak, 2004; Yavuz, 1995). Sebagai seorang ilmuwan yang mendalami bidang fiqh, tafsir, hadis, dan lain-lain, *Elmahli* juga mempunyai pandangan unik dalam tasawuf, falsafah, dan akidah. Kemahirannya dalam pelbagai bahasa membolehkannya menguasai Bahasa Arab, Parsi, dan Perancis, serta menterjemahkan karya falsafah Perancis ke dalam bahasa Turki (Ersöz, 1993; Güven, 2015). Bidang pengkhususannya dalam fiqh membawanya kepada kajian perbandingan antara perundangan Islam dan sistem perundangan Barat. Antara karya utama beliau termasuk *İşadü'l-Ahlâf fi Ahkami'l-Evkaf* mengenai hukum-hukum wakaf, *Sefer Bahsi* tentang hukum solat musafir, serta *Hiz. Muhammed (SAV)'in Dini (İslam)* yang menjawab persoalan Gereja Anglikan mengenai Islam. Selain itu, beliau turut menghasilkan kamus *Alfabetik İslam Hukuku ve Fıkıh İstılahları Kamusu*, sebuah kamus istilah fiqh yang mengandungi lebih 4000 konsep, serta menterjemahkan sebuah buku Perancis karya Paul Janet dan Gabriel Seailles, yang diberi nama *Tahlili Felsefe Tarihi Metelib ve Mezahib*. Walaupun sebahagian karyanya tidak sempat diterbitkan, warisan intelektual *Elmahli* tetap berpengaruh, khususnya melalui tafsirnya *Hak Dini Kur'an Dili*, yang menjadi rujukan penting dalam perkembangan ilmu terjemahan dan tafsir al-Qur'an di Turki (Köksal & Kaya, 2011; Karşı, 2012).

PENGENALAN KARYA TAFSIR *HAK DINI KUR'AN DILI*

Elmahli hakikatnya bukanlah seorang ulama yang secara khusus menulis dalam bidang tafsir sebelum ini, namun karya *Hak Dini Kur'an Dili* telah mengangkat namanya sebagai salah seorang mufassir terpenting di Turki. Tafsir ini, yang terdiri daripada sembilan jilid (8 jilid terjemahan dan tafsir al-Qur'an + 1 jilid mukaddimah tafsir), mengambil masa 12 tahun (1926-1938M) untuk diselesaikan dan menjadi tafsir pertama yang diterbitkan dalam bahasa Turki moden pada awal era Republik Turki. Nama tafsir yang terdiri daripada empat patah perkataan membawa maksud, *Hak Dini* mencerminkan penolakannya terhadap positivisme yang berkembang ketika itu, manakala *Kur'an Dili* merujuk kepada bantahannya terhadap penggunaan bahasa Turki dalam ibadah seperti solat, azan dan sebagainya (Okumuş, 2015). Beliau melihat bahawa penutupan madrasah dan pemansuhan pendidikan agama memberi kesan negatif kepada masyarakat, justeru, tafsir ini

bertujuan mengembalikan kefahaman Islam dalam kalangan rakyat Turki. Projek penterjemahan dan tafsir ini pada asalnya dicadangkan oleh ahli parlimen Abdullah Azmi Efendi (1869-1937M) dan diselaraskan oleh *DIYANET* (Kementerian Hal Ehwal Agama Republik Turki) untuk menangani terjemahan al-Qur'an yang menyeleweng yang mula tersebar dalam kalangan Masyarakat ketika itu. Mehmet Âkif Ersoy (1873-1936M), yang pada mulanya ditugaskan untuk menterjemahkan al-Qur'an, menarik diri selepas enam tahun, dan tugas tersebut akhirnya diselesaikan oleh *Elmahî* (Güllüce, 2010; Işık, 2021).

Halis Albayrak (1993) juga menjelaskan ketika membincangkan keistimewaan tafsir *Elmahî* menyatakan bahawa tafsir ini dilihat telah mengintegrasikan pembaca dengan al-Qur'an, iaitu dengan mengaitkan al-Qur'an dengan kehidupan masyarakat, serta membuka ruang kepada pembaca untuk memikirkan dan menghayati ayat-ayat tersebut. Dalam kitab mukadimah tafsirnya, *Elmahî* menegaskan bahawa pendekatannya adalah tradisional, selari dengan keilmuan ulama Uthmaniyyah, tetapi dengan usaha untuk menyelaraskannya dengan konteks moden di Turki. Oleh itu, beliau merujuk kepada tafsir klasik Arab namun turut mengadaptasi unsur rasional dan perkembangan sains kontemporari dalam tafsirannya. Menurutnya, tafsiran yang selari dengan kemajuan zaman akan membantu memperkukuhkan akidah umat Islam. Oleh itu, tafsirnya tidak hanya memberi tumpuan kepada aspek linguistik tetapi turut mengintegrasikan data saintifik, kesimpulan falsafah, serta tafsiran teologi yang menekankan kekuasaan Allah SWT (Buzpınar, 2009; Özel, 2012; Gunasti, 2019). Hasan Basrı, seorang mufassir era moden yang dikenali dengan karya beliau sebagai ringkasan kepada tafsir *Hak Dini*, menjelaskan bahawa seharusnya karya tafsir ini diterima sebagai sebuah karya agung dan sebagai "*Erkan-ı Harbiye Haritasi* (Peta Perintah Tentera)" yang tertinggi dalam bidang tafsir (Çantay, 1981). Ini kerana, tafsir ini telah menyediakan rujukan kepada mufassir seterusnya dalam mentafsirkan al-Qur'an, malahan untuk melihat perkembangan ciri-ciri tafsir moden di Turki harus dimulakan dengan mengkaji tafsir *Hak Dini* (Özel, 2002).


ANALISIS KITAB MUKADDIME' TAFSIR HAK DINI KUR'AN DILI

Salah satu sumber rujukan terpenting untuk mengetahui metodologi sebuah tafsir adalah melalui mukadimmahnya (permulaan). Ini kerana di dalam mukadimmah tersebut dinyatakan corak yang digunakan, ciri-ciri pentafsiran, perkembangan sejarah, perbincangan terhadap permasalahan metodologi pentafsiran, serta perdebatan semasa mengenai al-Qur'an (Ayyıldız, 2023). *Elmahî* di dalam karya tafsirnya *Hak Dini Kur'an Dili* juga telah membincangkan dengan jelas berkaitan isu terjemahan al-Qur'an ke dalam bahasa lain selain bahasa Arab yang mana ianya menjadi isu perdebatan di Turki pada awal abad ke-19. Hasilnya, permulaan *Elmahî* dalam membincangkan perkara ini dengan jelas telah menghasilkan satu karya terjemahan dan tafsir al-Qur'an yang sangat baik juga unik, yang mana tidak dapat ditemukan di dalam tafsir-tafsir lain yang diterbitkan selepas beliau (Öztürk, 2012). Maka artikel ini, akan menganalisis maklumat yang diberikan oleh *Elmahî* di dalam mukadimmah tafsirnya bagi memahami kaedah, corak dan metodologi penterjemahan serta pentafsiran yang diaplikasikan beliau di dalam tafsirnya.

Kitab *Mukaddime* merupakan pengenalan kepada tafsir *Hak Dini Kur'an Dili* dan merupakan karya terakhir *Elmahî* selepas menyelesaikan projek penterjemahan dan pentafsiran al-Qur'an. Manuskrip asalnya ditulis dalam tulisan tangan rika'ah pada kertas coklat kekuningan bersaiz 33.5 x 20.5 cm dan mengandungi 29 muka surat, namun tidak diterbitkan dalam bentuk asal kerana mengalami perubahan tanpa kebenaran penulis, termasuk penghapusan kenyataan beliau yang menolak penggunaan terjemahan dalam solat (Atik, 2022). Dalam kitab ini, *Elmahî*

menghuraikan beberapa istilah penting berkaitan al-Qur'an, seperti *tercüme* (terjemahan), *meâl* (makna dan konsep), *tefsir* (tafsir), dan *te'vîl* (takwil), serta menegaskan bahawa penterjemahan literal al-Qur'an ke dalam bahasa lain adalah mustahil kerana keunikan bahasa Arab itu sendiri (Ersöz, 1993). Beliau juga menerangkan prinsip penterjemahan yang digunakannya, termasuk mengekalkan beberapa istilah Arab seperti *zulm* bagi mengekalkan maksud asalnya (Yazır, 1971). Selain itu, beliau menggariskan metodologi tafsirnya dengan merujuk kepada sumber-sumber utama tafsir Arab, di samping menyatakan pandangan peribadinya terutama dalam tafsiran ayat-ayat 'ilmi dan perbahasan falsafah. Kitab ini diakhiri dengan penegasan mengenai keutamaan dan kedudukan al-Qur'an dalam kehidupan Muslim (Ersöz, 1993; Bilgin, 2015; Atik, 2016).

Gambar 1: Muka Hadapan Kitab



Penjelasan Istilah *Tercüme-Meâl-Tefsir-Te'vîl*

Tercüme-Meâl-Tefsir-Te'vîl, adalah 4 istilah yang menunjukkan makna yang hampir sama tetapi membawa konsep yang sangat berbeza. Terjemahan al-Qur'an ke dalam Bahasa Turki atau Bahasa selain daripadanya telah mewarnai dunia penterjemahan al-Qur'an sebelum abad ke-19 lagi. Namun begitu, apa yang menariknya di Turki, adalah penggunaan kalimah *meâl* yang digunakan sebagai satu istilah yang merujuk kepada al-Qur'an terjemahan dan perkara ini telah menjadi satu fenomena yang unik di Turki (Öztürk, 2011). *Elmalili* di dalam kitab mukadimahnyanya dengan jelas menunjukkan perbezaan di antara konsep terjemahan dan *Meâl* yang mana beliau tidak mengenali kitab tafsir beliau sebagai terjemahan kepada al-Qur'an tetapi sebagai kitab *Meâl*. *Tercüme* (Terjemahan) menurut beliau adalah:

“...bir kelâmın manasını, diğer bir lisanda dengi bir tabir ile aynen ifade etmektir.”

Maksudnya: *Ia adalah untuk menyatakan makna sesuatu perkataan dengan tepat dengan ungkapan yang setara dalam bahasa lain.*

(Elmalili Muhammed Hamdi Yazır, 1971)

Elmalili berpendapat bahawa terjemahan adalah pemindahan perkataan dari satu makna kepada makna yang lain dalam Bahasa yang berbeza tetapi mempunyai makna yang setara, dan menurut beliau setara ini bukan sekadar persamaan makna dengan kalimah asal tetapi juga dari pelbagai aspek lain seperti penggunaannya dan sebagainya. Sekiranya tidak sama ini akan mengurangkan maksud kalimah asal yang ingin dijelaskan dan itu bukanlah terjemahan menurut beliau. Setelah itu, beliau menjelaskan kalimah '*Meâl*'. *Meâl* adalah kalimah yang berasal daripada Bahasa Turki Uthmaniyyah yang membawa maksud “makna dan konsep”, di mana ianya merujuk kepada pemindahan perkataan ke dalam bahasa lain dari segi makna dan konsep, bukan dari segi perkataan

dan huruf. *Meâl* juga merujuk kepada terjemahan al-Qur'an bukan secara literal tetapi dari segi konsep dan makna kepada kalimah dan ayat tersebut (Öztürk, 2019). Bagi *Elmalılı* ianya merujuk kepada "... *tempat atau sesuatu destinasi yang mana merupakan hasil kepada takwil. Meâl juga merujuk kepada mengurangkan sesuatu, dari sudut adat, bahasa, dan ianya juga adalah suatu pembaharuan terhadap makna. Dan pembaharuan makna ini adalah tidak lengkap tetapi menggambarkan konsep asal perkataan.* (Yazır, 1971) ”.

Oleh sebab itu, beliau memilih untuk menggambarkan penterjemahan yang beliau berikan di dalam tafsir ini sebagai *Meâl* dan bukan *Tercüme*. Hasan Yilmaz (2008) juga menjelaskan bahawa konsep *Meâl* yang merujuk kepada al-Qur'an terjemahan dan telah diperkenalkan oleh *Elmalılı* ini sangat memberi pengaruh kepada dunia penterjemahan terutama di Turkiye sendiri. Bahkan sehingga kini kalimah *Meâl* digunakan untuk merujuk kepada al-Qur'an terjemahan. Di dalam mukadimahnyanya juga beliau turut menjelaskan pandangan beliau terhadap kalimah tafsir dan *takwil*, di mana *Elmalılı* menjelaskan makna kalimah tafsir dan *takwil*, dengan merujuk kepada perbezaan yang diberikan oleh al-Māturīdī. Di mana, menurut *Elmalılı*, perkara yang berkaitan dengan *dirayah* dipanggil *takwil* dan yang berkaitan dengan riwayat dipanggil tafsir, walaupun terdapat perbezaan di antara kedua kalimah ini, tetapi penggunaan tafsir dan takwil adalah saling bergantian di dalam tafsir, di mana sebahagian tempat tafsir digunakan dan sebahagian tempat yang lain menggunakan takwil (Maşalı, 2012). Oleh itu, jelaslah perspektif beliau ini telah memberikan gambaran yang jelas kepada tujuan beliau menterjemahkan al-Qur'an serta bagaimana kaedah yang beliau gunakan untuk mentafsirkannya.

Corak Penterjemahan al-Qur'an

Dalam kitab *Mukaddime tafsir Hak Dini Kur'an Dili*, *Elmalılı* menjelaskan bahawa penterjemahan dan pentafsiran al-Qur'an yang dilakukannya adalah satu amanah yang diberikan oleh Diyanet dengan persetujuan *Türkiye Büyük Millet Meclisi* (TBMM - *Grand National Assembly of Türkiye* atau Majlis Parlimen Turkiye). Walaupun beliau mengakui mustahil untuk menterjemahkan al-Qur'an sepenuhnya ke dalam bahasa lain selain Bahasa Arab, beliau tetap menjalankan tugas ini bagi membantu masyarakat memahami ajaran Islam menurut perspektif al-Qur'an. Beliau menegaskan bahawa sesiapa yang mendakwa telah menterjemahkan al-Qur'an sepenuhnya adalah tidak jujur, dan penolakan ini disertai dengan perbincangan terperinci yang boleh dibahagikan kepada dua aspek utama (Yazır, 1971). Pertama, beliau menghuraikan perbezaan istilah yang sering dikaitkan dengan penterjemahan al-Qur'an, iaitu *tercüme* (terjemahan literal), *meâl* (makna dan konsep), *tefsir* (tafsir), dan *te'vîl* (takwil), bagi menjelaskan batasan penterjemahan. Kedua, beliau memperincikan corak penterjemahan yang digunakannya, yang menunjukkan ketekunan beliau dalam memastikan makna kalimah al-Qur'an disampaikan dengan tepat tanpa menghilangkan maksud asalnya (Kara, 2016).

Bagi *Elmalılı* penterjemahan al-Qur'an tidak seharusnya diterjemahkan secara literal (terjemahan perkataan kepada perkataan) tetapi seharusnya diterjemahkan dengan menggunakan kaedah *tanzîr*. *Tanzîr* adalah kaedah terjemahan yang digunakan kepada puisi dan syair. Bagi *Elmalılı*, jika karya sastera, seperti puisi, diterjemahkan secara literal, berasaskan perkataan, puisi yang terhasil tidak akan setara dengan yang asal; keharmonian ayat akan hilang; Atas sebab ini, adalah lebih munasabah untuk menterjemahkan puisi dengan ungkapan yang membawa makna yang sama. Dengan cara ini, rasa sastera dan nilai seni karya dipelihara., supaya terjemahan yang dilakukan adalah setara, bahkan kaedah *tanzîr* adalah lebih mudah untuk dilakukan berbanding menterjemahkannya perkataan demi perkataan (Yazır, 1971). Oleh itu, antara corak penterjemahan yang dilakukan oleh beliau dalam kitab Mukadimahnya adalah beliau mengekalkan istilah Bahasa Arab tersebut dan menulisnya ke dalam bahasa Turki, dan ini dinyatakan beliau dalam dua perkara.

Pertama adalah, beliau tidak menterjemahkan kalimah bahasa Arab tersebut ke dalam bahasa Turki kerana makna kalimah tersebut telah diketahui oleh masyarakat Turki, contohnya dalam menjelaskan kalimah 'حمد' beliau mengekalkan kepada 'hamde', 'رحمة' kepada 'rahmet' dan 'هَدَايَة' kepada 'hidayet'. Kedua adalah di mana beliau menyatakan bahawa, walaupun kalimah tersebut mungkin tidak diketahui maknanya oleh masyarakat Turki, tetapi beliau lebih memilih untuk mengekalkannya ke dalam Bahasa Arab, contohnya dalam "...*Dalam beberapa tempat saya lebih suka "Sema" (السماء) untuk (menjelaskan kalimah) 'Langit'. Selalunya saya berkata 'Gökler ve Yer' (Bagi menjelaskan kalimah Langit dan bumi), tetapi kadang-kadang saya suka mengatakan 'Semâvât-ü Arz' (السموات والأرض)*". Selain itu, pada sebahagian tempat walaupun kalimah bahasa Arabi tu diketahui maknanya oleh masyarakat Turki, tetapi beliau memilih untuk menterjemahkannya, seperti dalam menjelaskan kalimah 'الظلمة', beliau boleh mengekalkan kalimah tersebut kepada 'zulmet', tetapi beliau memilih untuk menterjemahkannya kepada 'karanlık' (kegelapan) (Yazır, 1971).

Corak penterjemahan yang beliau gunakan adalah sebagai salah satu usaha untuk memastikan terjemahan yang beliau berikan adalah tidak menyimpang daripada maksud asal tersebut. Oleh sebab itu, sebahagian tempat beliau mengekalkan terjemahan ke dalam Bahasa Arab atau menggunakan Bahasa Parsi dengan ditulis dalam penulisan gaya bahasa Turki. Dan sekiranya beliau tidak dapat menemukan penterjemahan yang sesuai ke dalam mana-mana bahasa, atau membawa maksud yang berbeza daripada terjemahan, beliau akan meminta pembaca untuk merujuk kepada tafsir dan takwil yang diberikan. Oleh sebab itu, *Elmalılı* menjelaskan bahawa untuk menterjemahkan al-Qur'an tidak mencukupi dengan hanya mengetahui kaedah-kaedah nahu dan mempunyai ketinggian ilmu dalam bahasa semata-mata, tetapi kemahiran di dalam ilmu tafsir dan takwil juga sangat diperlukan (Yilmaz, 2008; Maşali, 2012). Di awal penjelasan beliau kepada corak penterjemahan yang beliau gunakan ini juga, beliau menyatakan bahawa tugas terjemahan ini tidak mudah, dan merupakan satu tugas yang sangat berat. Bahkan bagi beliau sebaik mana pun terjemahan tersebut ianya tetap tidak dapat menggambarkan kehalusan dan keindahan ayat al-Qur'an (Yazır, 1971).

ANALISIS PENTAFSIRAN TAFSİR HAK DİNİ KUR'AN DİLİ BERDASARKAN KİTAB MUKADDİME

Elmalılı di dalam mukadimah tafsirnya menjelaskan bahawa pendekatan yang akan beliau gunakan di dalam tafsirnya adalah pendekatan tradisonal atau klasik (Özel, 2012; Gunasti, 2019), tetapi beliau lebih dikenali sebagai ulama kontemporari yang membawa tradisi keintelektualan Turki Uthmaniyah. Sebahagian pengkaji menyatakan bahawa beliau adalah seorang mufassir tradisional dengan memasukkan sebahagian maklumat kontemporari di dalam tafsirnya. Sebahagian pengkaji lain pula menyatakan bahawa beliau adalah mufassir yang hanya mengabaikan isu reformasi pada zamannya di dalam penulisan tafsirnya. Ini kerana, tafsir ini lengkap dengan memasukkan elemen-elemen sosial, ekonomi, politik, psikologi, budaya, kajian saintifik dan juga falsafah. Elemen-elemen ini menjelaskan bahawa tafsir ini mempunyai ciri-ciri tafsir kontemporari (Albayrak, 2004). Bahkan, Mehmet Paçacı (2001) meletakkan tafsir yang dihasilkan beliau ini sama sifatnya dengan tafsir yang sebelumnya, bahawa, "*Tafsir Elmalılı M. Hamdi Yazır adalah hampir sama seperti tafsir ar-Razi yang bersifat kontemporari*". Persetujuan beliau untuk menerima projek pentafsiran al-Qur'an yang diamanahkan oleh Kementerian Hal Ehwal Agama (DİYANET), ianya disusuli dengan kontrak yang menjelaskan prinsip-prinsip yang beliau perlu turuti dalam menyiapkan tugas tersebut. Prinsip-prinsip tersebut turut dinyatakan oleh *Elmalılı*

di dalam kitab mukadimmahnya (Yazır, 1971). Antara protokol-protokol pentafsiran yang digariskan kepada beliau adalah seperti berikut:

- a. Hubungan antara ayat harus ditunjukkan (*Munasabah ayat*);
- b. *Asbabun Nuzul* harus direkodkan;
- c. Maklumat tentang qiraat yang diberikan, tidak boleh melebihi *qiraat al-asharah* (qiraat yang sepuluh);
- d. Penjelasan linguistik bagi perkataan dan frasa akan dibuat jika diperlukan;
- e. (Penulisan tafsir ini harus menggambarkan) Pegangan yang teguh kepada akidah *Ahli Sunnah* dan (menjelaskan) mazhab Hanafi dalam syariah, penetapan hukum agama juga undang-undang, perbahasan sosial dan akhlak yang terkandung dalam ayat-ayat tersebut akan dijelaskan, memberikan maklumat tentang isu-isu sains dan falsafah yang diisyaratkan oleh ayat-ayat tersebut. Ayat-ayat yang mengandungi perbincangan tauhid dan mempunyai sifat pengajaran dan peringatan akan diterangkan secara meluas, dan akan diterangkan peristiwa sejarah Islam yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung;
- f. Penjelasan yang diperlukan akan dibuat dengan meletakkan nota bagi menarik perhatian pembaca kepada perkara di mana pengarang Barat telah membuat tafsiran yang salah (terhadap isu-isu yang berkaitan);
- g. *Mukadimmah* hendaklah ditulis pada permulaan tafsir dengan menerangkan kebenaran al-Qur'an dan menjelaskan beberapa isu penting berkaitan al-Qur'an.

Prinsip-prinsip yang dinyatakan ini merupakan sebahagian daripada metodologi tafsir yang digunakan oleh beliau. Hasil kajian yang dilakukan terhadap tafsir beliau juga mendapati bahawa tafsir beliau mempunyai ciri-ciri tafsir *riwayah* dan *dirāyah*. Dalam kitab mukadimmahnya juga, beliau menyatakan bahawa beliau merujuk kitab-kitab tafsir lain seperti *al-Irshad* karya *Abu al-Su'ud al-Imadi*, *Anwar al-Tanzil* karya *Qadi al-Baydawi*, *al-Kasyaf* karya *al-Zamkhsyari*, *Tafsir al-Kabir/ Mafatihul Ghayb* karya *Imam Fakhruddin ar-Razi*, *Ahkamul Quran* karya *Imam Abu Bakar Jassas*, dan lain-lain. Rujukan yang digunakan ini menggambarkan ketinggian bahasa dan proses pentafsiran yang sangat bermanfaat yang telah diusahakan oleh beliau. Namun begitu, dalam beberapa isu, pentafsiran beliau dilihat memilih untuk menjelaskan pandangan beliau sendiri dan mengkritik beberapa pandangan lain (Ersöz, 1993), seperti mana apabila beliau menjelaskan berkaitan ayat-ayat *I'jaz al-Quran* (Gülşen & Çelebi, 2019). Hakikatnya, tafsir yang dihasilkan oleh beliau bukanlah satu perkara yang baru tetapi projek yang ditaja oleh kementerian agama Turki ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan al-Qur'an kepada pembaca Turki berdasarkan sumber tafsir klasik dan menjadikan mereka memahami nilai yang terkandung di dalamnya. Bahkan tujuan terjemahan al-Qur'an ini diterbitkan adalah menyampaikan kebenaran agama Islam kepada masyarakat Turki dan memansuhkan penyelewengan al-Qur'an yang berlaku ketika itu sama ada ianya datang daripada cabaran pengaruh pemikiran barat atau masyarakat tempatan sendiri yang cuba menyebarkan kefahaman yang menyeleweng (Bilgin, 2015).

KESIMPULAN

Artikel ini merupakan kajian awal terhadap sumbangan dan ketokohan *Elmahli* dalam bidang tafsir melalui metodologi analisis kandungan teks dan kajian perpustakaan terhadap kitab *Mukaddime* (Mukadimmah) tafsir beliau yang mana merupakan jilid pertama daripada sembilan jilid kitab tafsir *Hak Dini Kur'an Dili*. Pemilihan kitab jilid pertama yang difokuskan di dalam kajian ini adalah kerana di dalam kitab tersebut *Elmahli* menjelaskan, metodologi, pendekatan dan corak yang beliau gunakan dalam penterjemahan dan pentafsiran al-Qur'an di dalam karya tafsirnya. Hasil analisis kajian mendapati bahawa tafsir *Hak Dini* telah memainkan peranan yang penting

kepada penggunaan istilah “meal” sebagai istilah kepada kitab terjemahan al-Qur'an khususnya di Turki. Bahkan hasil kajian juga mendapati bahawa *Elmalili* telah memilih corak penterjemahan al-Qur'an secara *tanzir* (terjemahan makna kepada makna), untuk mendapatkan makna yang lebih setara dalam menterjemahkan ayat-ayat al-Qur'an. Tambahan pula, *Elmalili* turut menjelaskan bahawa pendekatan yang akan beliau gunakan di dalam tafsirnya adalah pendekatan tradisional atau klasik, tetapi beliau adalah ulama kontemporari, maka tafsir ini tidak dapat lari daripada ciri-ciri tafsir kontemporari dengan memasukkan elemen-elemen sosial, ekonomi, politik, psikologi, budaya, kajian saintifik dan juga falsafah. Bahkan dalam metodologi pentafsiran al-Qur'an, beliau perlu mematuhi 7 protokol yang telah digariskan kepada beliau seperti memasukkan *munasabah ayat*, *asbabun nuzul*, mematuhi bacaan qiraat yang sepuluh sahaja, memasukkan penjelasan linguistik, hukum-hukum berpandukan *ahlu sunnah*, bermazhab hanafi, menjelaskan kebenaran agama dan menolak pemikiran barat serta menulis *mukaddimah* pada permulaan tafsir. Berdasarkan hasil kajian ini, jelas membari gambaran terhadap *Elmalili* sebagai seorang mufassir moden dengan pendekatan tradisional yang telah mempersembahkan konsep asas dan disiplin beliau sendiri dalam pentafsiran al-Qur'an. Kajian ini juga adalah satu langkah awal dalam memahami salah satu kitab tafsir terpenting di Turkiye dan pengaruhnya terhadap perkembangan ilmu tafsir di negara tersebut. Diharapkan, kajian ini akan menjadi galakan kepada kajian akan datang untuk mengeksplorasi dengan lebih mendalam tentang warisan tafsir *Hak Dini Kur'an Dili* sebagai tafsir pertama di awal era republik Turki.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah mendapat tajaan Geran Khas Penyelidikan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya di bawah kod projek UMG016L-2024.

RUJUKAN

- Abu Hanifah Haris. (2020). Sejarah Kerajaan Turki Uthmaniyah dan Sumbangannya Dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 Hingga Abad Ke-20. *Journal of Al-Tamaddun*, 15(1), 85–107.
- Ahmet Bedir. (2002). Kur'an'in Anlaşılmasında Oryantalizmin Entelektüelimizdeki Etkileri. *Marifet Dini Araştırmalar Dergisi*, 2(3), 189–213.
- Ahmet Murat Özel. (2012). Three Terms in Elmalılı M. Hamdi Yazır in the Context of the Intellectual Challenges of the West: Intellect, Knowledge, Philosophy. In Ahmet Ögke & Rıfat Atay (Eds.), *Elmalılı M. Hamdi Yazır Sempozyumu* (pp. 443–465). Türkiye Diyanet Vakfı Yayınları.
- Amir, S., Norasid, M. A., & Hilmi, A. B. A. (2023). Scientific Studies of the Qur'an in the Contemporary Era: An Analysis of Concept, History, and Methodology. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 13(1), 188–202. <https://doi.org/10.32350/jitc.131.13>
- Asım Cüneyd Köksal, & Murat Kaya. (2011). *Meşrutiyetten Cumhuriyete Makaleler; Din, Felsefe, Siyaset, Hukuk* (3rd ed.). İslam Medeniyeti Araştırmaları.
- Bilal Işık. (2021). *Interpretation of Prohibition Verses in Elmalili Hamdi Yazir and Sayyid Qutb's Commentaries: An Analytical Study*. University of Marmara.
- Ekrem Gülşen, & Zehra Çelebi. (2019). Kur'an's Laconic -I'caz- In Elmalili Muhammed Hamdi Yazır's Commentary. *Turkish Studies-Comparative Religious Studies*, 14(2), 281–305.
- Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır. (1971). *Hak Dini Kur'an Dili (Mukaddime)* (Vol. 1). Eser Neşriyat.

- Güllüce, V. (2010). Kur'an'a Bilimsel Yaklaşımın Değerlendirilmesi. In B. Gökkır, N. Yılmaz, Ö. Kara, M. Abay, & N. Gökkır (Eds.), *Tarihten Günümüze Kur'an'a Yaklaşımlar* (p. 378). İlim Yayma Vakfı Kur'an ve Tefsir Akademisi.
- Halil Simsek. (2018). *The Missing Link in the History of Quranic Commentary: The Ottoman Period and the Quranic Commentary of Ebussuud/Abū al- Su'ūd al- 'Imādi (d. 1574 CE) Irshād al- 'aql al-salīm ilā mazāyā al-Kitāb al- Kaīm*. University of Toronto.
- Hasan Basri Çantay. (1981). *Tefsirli Kur'an Meali; Kur'an-ı Hakim ve Meal-i Kerim* (Vol. 1). Elif Ofset.
- Hasan Yılmaz. (2008). With in The Context of Elmalılı and Cantay's 'Forewords' About 'Translation Phenomenon' and 'Qur'ân's Translations.' *Atatürk Üniversitesi İlahiyat Fakültesi Dergisi*, 30, 93–118.
- İbrahim Hilmi Karşlı. (2012). Tefsiri (Anlam Merkezli) Tercüme Açısından M. Hamdi Yazır'ın Meal Tarzı. In *Elmalılı m. hamdi yazır sempozyumu*.
- Ismail Albayrak. (2004). Turkish Exegeses of the Twentieth Century: Hak Dini Kur'an Dili. *Islamic Studies*, 43(3), 391–413.
- İsmet Ersöz. (1993). Elmalılı Hamdi Yazır Ve Tefsirinin Özellikleri. *Elmalılı M. Hamdi Yazır Sempozyumu*, 169–177.
- J. M. S. Baljon. (1968). *Modern Muslim Koran Interpretation (1880-1960)* (1st ed.). E. J. Brill.
- Johanna Pink. (2010). Tradition and ideology in contemporary Sunnite Qur'ānic Exegesis: Qur'ānic commentaries from the Arab world, Turkey and Indonesia and their interpretation of Q 5:51. In *Welt des Islams* (Vol. 50, Issue 1).
- Kara, İ. (2016). *Cumhuriyet Türkiye'sinde Bir Mesele Olarak İslam* (1st ed.). Dergah Yayınları.
- Mahmut Ayyıldız. (2023). According to Elmalılı, The Possibility of Translation of the Qur'ân in Terms of the Unity of Order and Meaning. *İslam Tetkikleri Dergisi*, 13(2), 541–563. <https://doi.org/10.26650/iuitd.2023.1295512>
- Maşalı, M. E. (2012). *Osmanlı'dan Günümüze Kur'an İlimleri/ Tefsir Usulü Çalışmaları*. 109–163.
- Mehmet Emin Maşalı. (2012). Osmanlı'dan Günümüze Kur'an İlimleri/ Tefsir Usulü Çalışmaları. *Türkiye Araştırmaları Literatür Dergisi*, 10(19–20), 109–163.
- Mehmet Paçacı. (2001). Oryantalizm ve Çağdaş İslamcı Söylem. *İslamiyât IV*, 4, 91–110.
- Mesut Okumuş. (2015). Elmalılı Hamdi Yazır's Understanding Of Scientific Exegesis. *Diyanet İlmî Dergi*, 51(3), 79–104.
- Mustafa Bilgin. (2015). *Hak Dini Kur'an Dili*. TDV İslâm Ansiklopedisi. <https://islamansiklopedisi.org.tr/hak-dini-kuran-dili>
- Mustafa Güven. (2015). The Opinions Elmalılı Muhammad Hamdi Yazır about Islamic Modernism and in this Context the Criticisms Directed to the Muhammad Abduh – At the Example of Sûra el-Fîl-. *Ekev Akademi Dergisi*, 19(61), 141–170.
- Mustafa Öztürk. (2012). Cumhuriyet Dönemi Telif Tefsirler (Tafsîr Works in the Republican Period). *Türkiye Araştırmaları Literatür Dergisi (TALİD)*, 10(19), 9–59.
- Necmi Atik. (2016). The Editorial Critique of The Introduction of Elmalılı's Commentary of The 'Hak Dini Kur'an Dili". *İlahiyat Araştırmaları Dergisi*, 6, 99–131.
- Necmi Atik. (2022). *Elmalılı Muhammed Hamdi Yazır Hayatı, Eserleri Ve Divançesi (İnceleme-Metin)*. University of Ankara.
- Nurullah Ardiç. (2012). Islam and the Politics of Secularism. In *Islam and the Politics of Secularism: The Caliphate and Middle Eastern Modernization in The Early 20th Century* (Edisi 1). Routledge Taylor & Francis. <https://doi.org/10.4324/9780203137734>
- Öztürk, M. (2011). *Meal Kültürümüz*. Ankara Okulu Yayınları.
- Öztürk, M. (2019). Me-âl. In *TDV İslâm Ansiklopedisi* (Ed. 3, pp. 205–207). TDV İslâm Araştırmaları Merkezi.

- Recep Orhan Özel. (2002). *Elmalılı Hamdi Yazır'ın Bilimsel Tefsirciliği*. Universiti Cumhuriyet.
- Ş. Tufan Buzpınar. (2009). Elmalılı, Muhammed Hamdi Yazır. In *The Oxford Encyclopedia of The Islamic World* (2009th ed., Issue July 1919). Oxford University Press.
- Susan Gunasti. (2019). *The Qur'an Between The Ottoman Empire and The Turkish Republic: An Exegetical Tradition* (1st ed.). Routledge Series: Routledge Studies.
- Tolga Teker. (2014). *The Issue of Qur'ān Translation Early 20th Century Discussions In Turkey And Egyp*. Universiteit Leiden, The Netherlands.
- Wilson, M. B. (2009). The first translations of the Qur'an in modern Turkey (1924-38). *International Journal of Middle East Studies*, 41(3), 419–435.
- Yusuf Şevki Yavuz. (195 C.E.). Elmalılı Muhammed Hamdi. In *TDV İslām Ansiklopedisi* (1st ed., pp. 57–62). TDV İslām Araştırmaları Merkezi.